

*Penerapan Nilai Melalui Bahan Sastera dan Media***Siti Zainab Zainal**

siti_zainab_zainal@moe.edu.sg

Yahida Yahya

yahida_yahya@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Yusof Ishak

Abstrak

Menerapkan nilai murni dalam pembelajaran harian merupakan satu cabaran bagi seorang pendidik. Apatah lagi apabila guru berhadapan dengan golongan pelajar yang banyak terdedah pada budaya media baharu dan kurang pada bahan sastera, lebih-lebih lagi pada bahan sastera lama yang kaya dengan nilai. Guru perlu mahir menggunakan bahan sastera dan media yang pelbagai untuk menarik perhatian pelajar. Kajian ini dijalankan untuk meneliti sejauh mana bahan sastera dan media dapat digunakan untuk menerapkan nilai murni. Dalam kajian ini, pelajar didedahkan pada bahan sastera lama, iaitu Gurindam 12 dan media yang pelbagai untuk menyerapkan nilai murni. Kajian ini melibatkan pelajar Menengah 2 aliran Normal Akademik. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar bukan hanya berupaya mempamerkan nilai murni malah mampu menghasilkan kata-kata nasihat ciptaan sendiri.

Kata Kunci: Sastera, nilai murni, bahan pelbagai media, jati diri



PENGENALAN

Dalam membentuk generasi yang berfikiran seimbang, holistik, berminda saintifik dan berjiwa mapan, peranan sastera sebagai pengasuh etika dan nilai tidak dapat disangkalkan. Hoggart (1968) pernah melahirkan kekesalannya kerana menafikan aspek emosi sebelum ini.

“My mind seems to have become a kind of machine for grinding general laws out of large collection of facts ... if I had to live my life again, I would have made a rule to read some poetry and listen to some music at least once every week; for perhaps the parts of my brain now atrophied would thus have been kept alive through use. The lose of this taste is a loss of happiness, and may possibly be injurious to the intellect, and more probably to the moral character, by enfeebling the emotional part of our nature”.

Kekesalan Hoggart ini menyedarkan beliau bahawa aspek emosi dalam mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu pengetahuan yang ditawarkan oleh ilmu kesusasteraan. Beliau akhirnya mengakui bahawa karya sastera boleh berfungsi sebagai penyaring kehidupan manusia dan memandu manusia untuk membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Selanjutnya ilmu yang diterapkan itu boleh membantu mengawal emosi diri kerana manusia dapat belajar untuk memahami diri sendiri hasil daripada pengalaman orang lain. Dalam segala tindak tanduk atau perlakuan, manusia dapat melihat hidup ini menerusi perspektif yang seimbang. Justeru secara umumnya, ilmu kesusasteraan banyak membantu mendidik nilai-nilai kemanusiaan dalam diri individu.

Menurut Hofstetter (1995), bahan pelbagai media bermaksud bahan yang mengintegrasikan elemen teks, audio, grafik, animasi dan video yang menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan pengguna mengarah, berinteraksi, mereka cipta dan berkomunikasi agar proses pembelajaran menjadi lebih berkesan. Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2003), Zamri dan Nur Aisyah (2011), multimedia membuka ruang kepada para pendidik mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran, manakala pelajar diberi peluang untuk memegang kuasa kawalan bagi sesuatu sesi



pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa aplikasi pelbagai media dalam bidang pendidikan dapat melahirkan satu konsep pembelajaran baharu gabungan daripada pendekatan pendidikan dan hiburan, iaitu *edutainment* (*education and entertainment*) (Jamalludin dan Zaidatun 2000). Aplikasi multimedia berkeupayaan menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritikal, menyelesaikan masalah dan bermotivasi dalam pembelajaran.

Menurut Buckley dan Smith (2008), penggunaan simulasi pelbagai media dalam proses pembelajaran mampu meningkatkan kemahiran pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini menyebabkan pelajar berpeluang membentuk kemahiran berfikir pada aras yang lebih tinggi dan merubah pemikiran serta tingkah laku dalam pembelajaran dari segi berfikir, belajar dan mendapatkan maklumat (Mohd Aizani, 2004; Zamri dan Nur Aisyah, 2011).

Di peringkat sekolah pula, pelajar akan dipupuk dengan misi dan visi sekolah yang mengandungi nilai murni seperti bertanggungjawab, hormat-menghormati, kebingkasan, yakin diri, kreatif dan integriti. Berteraskan visi ini, kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana bahan sastera dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan bahan pelbagai media dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah. Penerapan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu secara tidak langsung diharapkan dapat merealisasikan potensi pelajar kita sepenuhnya serta mengembangkan minat mereka terhadap pembelajaran sastera yang menjadi milik masyarakat.

Penerapan nilai mendefinisikan nilai sebagai peraturan perlakuan standard yang menjadi pegangan ahli masyarakat, ditentukan oleh masyarakat mengikut budaya masyarakat tersebut (Supeka et.al., 1976). Tujuan penerapan nilai adalah untuk mempengaruhi diri individu dengan nilai tertentu yang berbentuk universal dan mutlak, yang difikirkan baik dan sesuai. Namun, ada beberapa soalan berhubung dengan pelaksanaan penerapan nilai dalam pengajaran bahasa Melayu. Antaranya adalah apakah teknik penerapan nilai yang digunakan oleh guru untuk menanamkan nilai dalam pengajaran? Apakah tahap penerapan nilai yang dapat dicapai oleh guru dalam pengajaran? Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa menanamkan nilai dalam pengajaran bahasa Melayu?



PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan awal kajian ini mendapati penguasaan bahasa Melayu para pelajar didapati tidak tinggi. Pelajar mempunyai masalah untuk mengungkapkan pendapat dan pemikiran mereka. Langkah intervensi telah dilaksanakan untuk meneliti bagaimana bahan sastera berbentuk visual dapat merangsang minat belajar. Intervensi ini juga perlu digunakan untuk merangsang minat pelajar yang sering tidak bermotivasi mengikuti pengajaran dan pembelajaran menulis e-mel rasmi dan e-mel tidak rasmi, menulis karangan ekspositori dan menjawab soalan-soalan kefahaman.

Pelajar juga tidak cenderung kepada pembelajaran cara tradisional yang mana guru mengajar dan mereka duduk mendengar. Menurut Shephard (2001), paradigma pembelajaran menyentuh tentang konsep yang berkait secara langsung dengan makna sesuatu perkara atau objek yang bersifat relatif kepada persepsi seseorang. Pendidik seharusnya melihat kaitan antara perkara yang ingin diajar dan aspek sikap dan nilainya. Sejauh mana cemerlangnya sesuatu perkara yang dilakukan bergantung kepada kemahiran dan memerlukan sikap positif yang berasaskan nilai-nilai murni. Guru pula terpaksa berhadapan dengan cabaran untuk memasuki persekitaran pembelajaran yang baharu. Guru harus beralih dari persekitaran pembelajaran secara tradisional kepada persekitaran pembelajaran yang baharu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti:

1. sejauh mana penerapan nilai-nilai murni dapat dilaksanakan dengan menggunakan bahan-bahan sastera yang mempunyai ciri-ciri pelbagai media seperti klip video, drama, lagu dan iklan; dan
2. keberkesanan penggunaan puisi dan lagu dalam pembelajaran.

KAJIAN LEPAS

Nilai pada asasnya merupakan tanggapan yang mempengaruhi corak pilihan



terhadap bentuk, alat, dan matlamat tindakan (Zainal Kling, 1980). Nilai juga dikatakan sebagai suatu prinsip kelakuan yang abstrak yang digeneralisasikan dengan memuatkan perasaan emosi yang kuat dalam pengiltizaman yang positif lalu memberikan suatu piawai untuk menetapkan sesuatu tindakan atau matlamat (Theodorson dan Theodorson, 1979 dalam Amat Juhari, 2001:284). Sistem nilai memberikan rangka kerja untuk penganalisisan norma-norma masyarakat, keunggulan, kepercayaan, dan kelakuan. Nilai menjadi ukuran dan pegangan tentang baik buruk atau cantik hodoh sesuatu perlakuan berasaskan kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2000)

Juriah (2001) mendapati masyarakat abad ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat dalam kehidupan seharian.

Wood (2002) pula mendapati setiap pelajar berbeza dari segi minat dan kesediaan belajar mereka. Kajian yang dijalankan membuktikan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu banyak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan ini turut disokong beberapa orang pengkaji seperti Juriah (2010), Zamri (2011), Zamri dan M. Amin (2008). Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar perlu diambil kira dalam merancang kurikulum, kaedah mengajar dan rancangan pengajaran guru Bahasa Melayu.

Fletcher (2005) mengatakan bahawa semua bakat dan potensi otak dapat dikembangkan melalui pendekatan minda secara menyeluruh atau *whole-brain approach*. Struktur dan fungsi otak yang beroperasi secara selari dengan emosi menghasilkan proses pembelajaran yang bermakna atau pembelajaran berasaskan minda.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, jelas menunjukkan terdapat kaitan yang rapat antara penerapan nilai melalui bahan sastera dan penggunaan bahan-bahan pelbagai media dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kaitan ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi pembelajaran pelajar di samping menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu menarik dan bermakna.



KAEDAH KAJIAN

Beberapa eksperimen telah dijalankan untuk meninjau keberkesanan aktiviti dan teknik penyerapan nilai menggunakan bahan sastera di dalam meningkatkan pencapaian, motivasi pelajar serta memupuk nilai murni. Kelompok pelajar yang berbeza-beza telah menjalani aktiviti yang bervariasi untuk melihat keberkesanan kaedah komunikatif di dalam mencapai objektif yang berbeza. Kaedah berbentuk kuantitatif dan kualitatif diambil bagi menjalankan kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 18 orang pelajar Menengah 2 Normal Akademik tahun 2014. Mereka terdiri dari para pelajar yang berbeza kemahiran, latar belakang dan gaya pembelajaran. Kebanyakan pelajar mempunyai tahap berbahasa yang sederhana sementara sejumlah kecil pula tidak menggunakan bahasa Melayu di rumah. Hampir kesemua pelajar era digital ini sering didedahkan pada bahan visual digital.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan seperti yang berikut:

Pemerhatian / Teori Grounded

Pencerapan reaksi pelajar oleh guru pengkaji bagi tujuan mengukur minat dan penglibatan pelajar di dalam aktiviti yang telah digubal.

Temu bual

Menemu bual pelajar selepas persembahan mereka untuk mendapatkan maklum balas pelajar tentang aktiviti yang telah dijalankan.

Rujukan

Rujukan Internet melalui komputer juga dijalankan untuk mendapatkan



maklumat tambahan bagi menggubal pengajaran yang sesuai untuk memenuhi objektif pengajaran yang ingin dicapai.

Prosedur Kajian

Kajian ini memerlukan guru memberikan perhatian pada sikap dan gaya belajar para pelajar. Keberkesanan pedagogi adalah berdasarkan respons pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan dan hasil tugas yang diberikan setelah visual dipaparkan. Borang maklum balas diberikan dan diteliti oleh guru untuk melihat penerimaan pelajar selepas sesi pembelajaran. Guru memilih klip video dan lagu yang sesuai dari laman *Youtube* yang memang banyak terdapat di ruang siber dan memuat turun bahan yang sesuai bagi mengelakkan masalah teknikal yang sering dialami ketika menggunakan komputer.

Aktiviti yang dipilih lebih menjurus kepada aktiviti berkumpulan atau berpasangan supaya wujud semangat kerja berpasukan, kerjasama dan toleransi. Pelajar bebas bersuara, mengeluarkan pendapat dan idea secara logik dalam keadaan terkawal untuk memberikan satu persembahan yang menarik. Pelajar bebas untuk bergerak, berlakon dan menyanyi dalam keadaan terkawal. Aktiviti dalam suasana humor banyak menggunakan komunikasi melalui bahasa tubuh. Kejayaan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran itu terletak pada kebijaksanaan guru sebagai pengurus dan perancang pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Para pelajar kini kurang mengenali tentang puisi tradisional. Apa yang mereka tahu hanyalah pantun ataupun seloka. Lantas, guru ingin memperkenalkan salah satu jenis puisi tradisional kepada para pelajar iaitu gurindam.

Pengajaran ini dijalankan kepada para pelajar Menengah 2 Normal Akademik, yang merupakan pelajar daripada tahap HA dan merangkumi 18 orang pelajar. Pengajaran ini dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama adalah untuk mengajak para pelajar memahami gurindam serta mencungkil pemaknaan daripada gurindam tersebut.

Sesi kedua pula adalah dengan menggunakan nilai dan pengajaran yang



diraih daripada pengajaran sebelumnya dan melakarkan dua stanza gurindam.

Pengajaran dimulakan dengan sesi induksi yang mana guru membawa sehelai 'kain ajaib' ke kelas dan menyuruh para pelajar untuk menggunakan daya imaginasi dan kekreatifan masing-masing untuk mengubah alat ini supaya ia bukan lagi menjadi sehelai 'kain ajaib'. Aktiviti ini memberikan setiap pelajar peluang untuk menggunakan kain ini sebagai alat yang berbeza dan mencetus kekreatifan mereka. Sesi induksi ini kemudian dikaitkan dengan kekreatifan para penulis puisi tradisional untuk mengolah makna dengan menggunakan kekata, dan ini jelas dilihat dalam gurindam.

Guru kemudiannya memperkenalkan para pelajar dengan gurindam. Guru menerangkan definisi gurindam dan bentuk gurindam. Guru juga memberitahu kepentingan gurindam dalam masyarakat Melayu. Guru kemudiannya memperkenalkan para pelajar pada Gurindam 12 yang ditulis oleh Raja Ali Haji. Gurindam 12 mempunyai dua belas fasal, namun untuk pengajaran ini, hanya Fasal 6 sahaja yang diberikan fokus.

*Gurindam 12- Fasal Keenam
Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat
Cahari olehmu akan guru
Yang boleh tahukan tiap seteru.*

*Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.
Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiawan.*

Guru kemudiannya melagukan gurindam tersebut. Para pelajar kemudiannya dikehendaki untuk melakarkan pemahaman mereka berdasarkan gurindam yang telah dinyanyikan guru. Mereka boleh menulis ataupun melukis pemahaman mereka, Yang penting mereka membuat tafsiran mereka sendiri. Kemudiannya, mereka akan melihat setiap stanza gurindam tersebut dan mencari mesej yang ingin disampaikan oleh penyair dalam gurindam tersebut. Para pelajar memberikan respons dan berkongsi jawapan mereka dan guru pula



akan memberikan maklum balas. Mereka juga dikehendaki untuk mengenal pasti nilai dan pengajaran yang diraih daripada gurindam fasal keenam itu.

Pada pelajaran kedua pula, daripada Fasal Keenam yang telah mereka pelajari, guru meminta para pelajar memikirkan dua nilai yang terdapat dalam gurindam itu serta dua pengajaran yang dapat mereka raih. Dengan nilai yang telah mereka pelajari ini, para pelajar kemudiannya akan menulis dua stanza gurindam secara berpasangan. Gurindam mereka haruslah berdasarkan nilai yang mereka berikan pada pelajaran sebelumnya. Guru akan menunjukkan contoh terlebih dahulu.

Contohnya, nilai tanggungjawab dan pengajarannya ialah kita harus bertanggungjawab dengan menghabiskan tugas yang diberikan kepada kita.

Gurindamnya ialah:

*“Jikalau penuh tugas diberi,
Jangan sia-siakan masa sehari”*

*“Jikalau usaha sekilas pandang,
Tanggungjawab terus melayang”*

Dapat dilihat daripada contoh gurindam yang diberikan guru, nilai yang ingin disampaikan adalah bertanggungjawab dalam apa jua yang diberikan supaya masa itu dapat kita gunakan sepenuhnya dan kita tidak mensia-siakan masa yang diberikan. Dalam melakukan tugas ini, pelajar harus mempunyai tanggungjawab untuk menyelesaikannya dengan sepenuh usaha kita. Seterusnya para pelajar secara berpasangan akan memulakan penulisan gurindam mereka dengan nilai dan pengajaran yang mereka telah cangkil dalam pelajaran sebelumnya.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Sikap dan Minat Pelajar 2 Normal Akademik terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Gurindam

Bil	Perkara	Setuju		Tidak Setuju	
		Kekerapan	Peratus %	Kekerapan	Peratus %
1.	Guru yang mengajar melalui pengenalan Gurindam menjadikan saya seronok belajar subjek Bahasa Melayu.	18	100	0	0
2.	Saya sedia menawarkan diri melakukan aktiviti yang diarahkan oleh guru.	14	78	4	22
3.	Aktiviti yang saya dilakukan mendorong saya berfikir lebih kreatif.	16	89	2	11
4.	Saya membuat kajian sendiri sebagai aktiviti susulan pelajaran ini.	13	72	5	28

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar ini lebih terangsang untuk mengetahui Gurindam 12. Mereka sangat tekun berusaha untuk mencapai objektif pembelajaran dengan menyiapkan gurindam hasil kerja mereka sendiri. Walaupun ada kalanya perkataan yang mereka ujarakan agak kurang memuaskan, mereka sedia mendengar teguran dan cuba memperbaiki lakonan mereka dengan meminta untuk membuat persembahan di depan kelas. Guru menggalakkan pelajar berusaha lagi dengan memberi mereka peluang kedua dan lebih bersemangat belajar bahasa Melayu.

Pelajar suka dengan pengajaran ini kerana mereka tidak pernah tahu tentang gurindam. Lebih-lebih lagi gurindam itu juga dinyanyikan oleh Maya Karin dalam filem 'Pontianak Harum Sundal Malam'. Mereka tidak pernah tahu yang gurindam ini diselitkan dalam filem. Ada dalam kalangan mereka yang mencari fasal-fasal yang lain dalam gurindam 12 dan berkongsi di



hadapan kelas.

Yang lebih menarik ialah gurindam hasil ciptaan mereka menunjukkan hasil usaha yang baik.

Contohnya:

1. Barang siapa melupakan agama,
Bentang sejadah ingatkan DIA
2. Kalau penuh ilmu di dada,
Jangan sampai takbur dan alpa

Tinjauan kajian menunjukkan bahawa pendidikan nilai sangat penting sebagai sebahagian daripada kandungan kurikulum sekolah, dalam proses pendidikan seseorang individu.

Menurut Sugarman (1973) dan Lerner (1976), manusia memang dijadikan penerima nilai, pemilih nilai, pengamal nilai, pembentuk nilai, pewaris dan penerus nilai serta pengawal nilai. Berdasarkan penegasan tersebut, Ellis, Cagan dan Howay (1991) membuat beberapa saranan berhubung dengan pendidikan nilai tersebut, seperti yang berikut:

1. Pendidikan nilai amat perlu di sekolah.
2. Guru merupakan agen pemindahan nilai kepada pelajar.
3. Pengajaran nilai sewajarnya menjadi fokus utama dalam pendidikan.
4. Pegangan nilai secara umum harus didasarkan kepercayaan masyarakat.

KESIMPULAN

Karya sastera tidak terlepas daripada pancaran nilai yang terakam di dalamnya. Nilai yang dipaparkan bersifat sejagat yang membawa kelangsungan kepada umat manusia. Manusia dilukiskan untuk membayangkan nilai murni supaya manusia terus hidup dengan lebih sempurna. Mendekati karya sastera bermakna pelajar dapat merenung, berfikir dan membuat refleksi tentang situasi dirinya dalam kehidupan ini. Kesejahteraan dan kemakmuran manusia yang dipancarkan dalam karya sastera dapat menyemai naluri keinsanan dalam jiwa pelajar.



Penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam menggunakan bahasa yang meluas dan tinggi kerana karya-karya sastera mengandungi bahasa-bahasa yang indah, tinggi dan kosa kata yang kaya. Penggunaan bahan sastera mempunyai banyak kelebihan seperti memberikan keseronokan kepada pelajar kerana karya sastera itu mengandungi pelbagai keindahan serta huraian tentang hal-hal yang aneh dan ajaib yang diselaraskan mengikut peringkat umur pelajar. Terdapat pelbagai jenis karya sastera yang mengikut kesesuaian peringkat umur pelajar. Oleh itu, terpujanglah kepada guru untuk memilih, menilai dan menyesuaikan bahan sastera tersebut dengan pengajarannya. Penggunaan bahan sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu akan membuka ruang kepada pelajar untuk melihat dunia yang lebih luas yang bermula dari pengalaman sendiri untuk meneroka pengalaman luar hidupnya melalui hubungan masyarakat dan budayanya.

Guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

- Dian Syahidah Abdul Haziz
- Ishak Lias

RUJUKAN

- Abdullah Ghani Abdullah, Ph.D, Abdul Rahman Abd. Aziz, Abdul Rashid Mohamed Ph.D. (2007). *Humor Dalam Pengajaran*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Aroff, Abdul Rahman (2008) Pendidikan Moral, *Teori Etika dan Amalan Moral*. Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor
- Asmah Hj Omar (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Edgington, W, D., (2002). *To Promote Character Education, Use of Literature for Children and Adolescents*. The Social Studies
- Fletcher P.C. (2005). On the Benefits of not Trying: *Brain Activity and Connectivity Reflecting the Interactions of Explicit Sequence Learning*. Oxford Journals (Cerebral CORTEX). UK.
- Grasha A.F. (1996). *Teaching with Styles: A Practical Guide to Enhance Learning by Understanding Learning and Teaching Styles*. New York: Alliance Publisher.
- Juriah Long (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.



- Khahr, D dan Wallace, J.G. (1976). *Cognitive Development: An Information Processing View*. Lawrence Erlbaum Associates. Hillsdale, New Jersey. Jonassen D.H (1996). *Computers in the Classroom: Mind Tools for Critical Thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010. *Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*. Kementerian Pendidikan Singapura.
- NASHMAD MOHD. *Kepentingan Nilai dalam Pendidikan*
<http://dwnbahasa.dbp.my/?p=388>
- Nik Safiah Karim, Arbak Othman (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nur Emelda Jumari & Zainah Mohamed (2012) *Penerapan Nilai: Penggunaan klip Video dan Iklan dalam*
<http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg/images/pdf/12-penerapan-nilai-penggunaan-klip-video-dan-iklan-emelda-jumari.pdf>
- Rozaiman Makmun (2007). *BAHTERA: Bahan Sastera dalam Pengajaran Bahasa*. Bandar Seri Begawan. Universiti Brunei Darussalam. Sidang Penyusun. (2006)
- Shepherd, Peter (2001). *Whole Brain Thinking and Learning Enhancing Individual and Organizational Learning*. Petaling Jaya Brain Dominance Technologies Sdn. Bhd.
- Wood, J.W. (2002). *Adapting Instruction to Accommodate Students in Inclusive Setting Including All Students*. New York: Pearson Education Inc.
- Zamri Mahmood (2011). *Inovasi P & P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

